

Anugerah kewangan Islam: SC buka pencalonan / Utusan Malaysia, 3 May 2012

KUALA LUMPUR 2 Mei - Suruhanjaya Sekuriti (SC) hari ini membuka pencalonan kepada mana-mana individu dalam industri kewangan Islam untuk mengambil bahagian dan dinilai dalam Malaysia's Royal Award for Islamic Finance (The Royal Award). The Royal Award telah dijalankan pada tahun 2010 sebagai satu anugerah dwi tahunan. Anugerah itu telah diperluaskan dan diperkembangkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan SC sebagai menyokong inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC). Majlis anugerah itu memberi tumpuan kepada individu-individu yang mempunyai rekod pencapaian dan sumbangan hebat dalam perkembangan kewangan Islam sehingga ke peringkat global. SC dalam kenyataan berkata, sebanyak tujuh juri antarabangsa akan terlibat dalam pemilihan pemenang yang akan dipengerusikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri dan Penggerusi Yayasan Forum Ekonomi Islam Sedunia, Tun Musa Hitam. Tarikh tutup pencalonan adalah pada 1 Jun ini dan sebarang maklumat lanjut dan borang pencalonan boleh diperoleh melalui laman sesawang www.mifc.com/award.